



Akmal Nasir <akmal.now@gmail.com>

FW: Re: Dibalas: SURAT MEMOHON PENJELASAN

1 message

Aslam Abd Jalil <aslambinabdjalil@yahoo.com>

Tue, Jun 24, 2014 at 10:32 AM

To: akmal.now@gmail.com

----Forwarded Message----

From: jpa_advisor@yahoo.com.auTo: aslambinabdjalil@yahoo.com

Sent: Wed, Nov 6, 2013 1:40 PM AEDT

Subject: Re: Dibalas: SURAT MEMOHON PENJELASAN

As Salam,

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Berhubung dengan perkara 3 e-mel Pejabat ini bertarikh 1 November 2013 kepada saudara, saudara hanya menjawab tentang "penglibatan saudara berhubung penganjuran" sahaja. Saudara tidak menjawab pertanyaan berkenaan "perjalanan program".

3. Sehubungan dengan itu, saudara adalah dipohon untuk mengemukakan maklumat penuh perjalanan program seperti tarikh, masa, tempat, maklumat kehadiran peserta-peserta, maklumat kehadiran penceramah-pemceramah, penjelasan kandungan ceramah termasuk isu-isu spesifik yang disampaikan, soalan-soalan yang dibangkitkan sepanjang perjalanan program tersebut, kos penganjuran program dan lain-lain perkara yang difikirkan perlu dalam tempoh 2 hari.

4. Perhatian dan kerjasama saudara dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

SHAHREZAN MD SHERIFF

STUDENT ADVISOR
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT of MALAYSIA (PSD)
67 Victoria Road
Bellevue Hill
NSW 2023
(Phone: 02 - 9327 7796)

On Monday, 4 November 2013 8:40 AM, Aslam Abd Jalil <aslambinabdjalil@yahoo.com> wrote:

Assalamualaikum tuan.

Merujuk emel 'Surat Memohon Penjelasan' bertarikh 1 November 2013 yang dihantar oleh pejabat JPA Australia, saya ingin membuat penjelasan seperti yang dikehendaki.

2. Untuk pengetahuan tuan, saudara Akmal Nasir merupakan pengasas sebuah badan bukan kerajaan iaitu NOW. Mengenali sejak zaman sekolah, saudara Akmal menghubungi saya ketika beliau melawat Canberra tempoh hari kerana berhasrat untuk berkongsi pengalaman beliau sepanjang penglibatannya dengan NOW bersama-sama rakyat Malaysia yang lain.

3. Oleh itu, saya memaklumkan kepada rakan-rakan lain termasuklah ahli akademik yang berminat untuk turut sama menyertai perkongsian beliau dalam sesi tersebut.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
Aslam Abd Jalil

Pada Jumaat, 1 November, 2013 pada 13:07:01, "JPA Student Advisor," <jpa_advisor@yahoo.com.au> Menulis:

As Salam,

Adalah saya diarahkan untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Daripada maklumat yang diperolehi, adalah didapati bahawa saudara terlibat dalam penganjuran satu program dialog dengan sebuah NGO pada awal bulan Oktober 2013.

3. Sehubungan itu, Pejabat ini memohon penjelasan berkaitan dengan penglibatan saudara berhubung penganjuran dan perjalanan program ini. Adalah dimohon saudara mengemukakan penjelasan bertulis kepada Pejabat ini dalam tempoh 2 hari.

4. Perhatian dan kerjasama saudara dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

SHAHREZAN MD SHERIFF

STUDENT ADVISOR
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT of MALAYSIA (PSD)
67 Victoria Road
Bellevue Hill
NSW 2023
(Phone: 02 - 9327 7796)